

**NO. SOALAN: 192**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJAH NORAH BINTI  
ABD RAHMAN [ TANJONG MANIS ]**

**RUJUKAN : 7658**

**SOALAN:**

**Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [ Tanjong Manis ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian dalam usaha menangani isu kenderaan curi yang diseludup ke negara jiran yang semakin meningkat dan berleluasa terutamanya yang melibatkan sempadan Sarawak dan Kalimantan Utara.**

**JAWAPAN:**

**Kementerian dan pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) sentiasa memandang serius dalam usaha mencegah dan membanteras kegiatan jenayah curi kenderaan yang merupakan salah satu penyumbang utama jenayah indeks. Kenderaan yang dicuri kebiasaannya dilakukan atas dua sebab iaitu untuk mendapatkan alat ganti atau untuk dijual di luar negara terutama kenderaan mewah.**

**Pelbagai langkah telah diambil untuk membasmi kes curi kenderaan untuk tujuan mendapatkan alat ganti atau untuk diseludup keluar negara di antaranya seperti berikut:-**

- i) **PDRM telah melancarkan Ops Lejang secara berkala dan juga *ad-hoc* dalam usaha meningkatkan kadar penyelesaian kes curi kenderaan;**
- ii) **PDRM juga telah memperkasa dan memperkemaskan maklumat risikan yang berkaitan dengan kegiatan jenayah kes curi kenderaan;**
- iii) **Peralatan berteknologi tinggi, antaranya GPS, juga digunakan oleh PDRM dalam penugasan operasi-operasi khas berkaitan kecurian kenderaan;**

- iv) Laporan senarai butiran kenderaan mewah yang dicuri di seluruh negara dihantar ke semua Gerakan PGA di sempadan-sempadan Malaysia dalam tempoh masa 24 jam; dan
- v) Mencadangkan pihak berwajib menggunakan system e-plate yang menggunakan teknologi mikrocip atau *Radio Frequency Identification* (RFID) yang boleh mengelak pemalsuan nombor pendaftaran pada semua jenis kenderaan.

**Di antara sebab-sebab mengapa kebanyakan kenderaan yang dicuri sukar untuk dikesan kembali adalah kerana:-**

- i) Wujudnya sindiket curi kenderaan yang mempunyai rangkaian di luar negara, yang mana kenderaan yang dicuri akan dihantar terus ke luar negara.
- ii) Kebanyakan kenderaan yang dicuri untuk mendapatkan alat ganti akan dileraikan dalam masa yang singkat. Komponen kenderaan yang tidak diperlukan akan dimusnahkan atau dibuang di dalam sungai atau tasik.
- iii) Terdapat peralatan khas yang mudah diperolehi di pasaran untuk mengubah *chasis* pada enjin kenderaan tersebut. Secara rambang perubahan tersebut sukar dikesan kecuali dihantar untuk pemeriksaan oleh Jabatan Kimia.

**Sepanjang tahun 2014 menunjukkan jumlah kenderaan yang dilaporkan hilang bagi kontinjen Sarawak adalah sebanyak 244 kes sahaja. Kerajaan telah mengambil langkah yang sewajarnya untuk mencegah penyeludupan kenderaan curi ke negara jiran sama ada di Sabah, Sarawak atau di Semenanjung Malaysia. Antara langkah yang sedang diambil adalah dengan mengadakan kawalan CCTV di semua laluan masuk dan keluar negara dengan memasang sistem *Automatic Number Plate Recognition (ANPR)* di laluan kenderaan bagi mengesan kenderaan curi. Sistem ini amat berkesan di negara jiran seperti Singapura.**

**Bagi pemasangan dan hasilnya, satu kajian pilot projek akan dilaksanakan oleh Universiti Utara Malaysia. Projek ini menelan belanja 3 juta di mana dana ini diperolehi dari Jabatan Perdana Menteri. Bagi permulaan, projek ini akan dilaksanakan di CIQ Bukit Kayu Hitam dalam masa terdekat.**